

10 MAY 2001

PUTERA ANDREW AKAN LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Putera Andrew yang juga The Duke of York akan mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia antara 16 dan 22 Mei ini, demikian menurut kenyataan Suruhanjaya Tinggi Britain hari ini.

Beliau akan berada di Kota Kinabalu pada 16 Mei, Labuan (17 Mei) dan Kuala Lumpur (19 hingga 22 Mei).

Lawatan beliau ke Sabah adalah sempena dengan lawatan HMS Gloucester ke Kota Kinabalu dan Labuan, beliau akan meletakkan kalungan bunga bagi memperingati mereka yang terkorban dalam perkhidmatan Komanwel.

Di Kuala Lumpur, Putera Andrew akan merasmikan Bilik Ottoman, Musium Kesenian Islam sebelum pembukaan rasmi UK Alumni Network (UKAN).

Kenyataan itu menyebut beliau akan menemui beberapa atlit paralimpik Malaysia di Kompleks Sukan Kebangsaan, Bukit Jalil.

Beliau dijangka akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai.

Lawatan itu adalah lawatan beliau yang pertama ke Malaysia, yang juga bagi pihak kerajaan Britain.

-- BERNAMA

MN MAM RI